

**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' YANG DIPERTUA MPSP
DI
MAJLIS PELANCARAN KONTRAK KOMUNITI
PROGRAM PEMBERSIHAN,
PENUBUHAN PEJABAT PERSATUAN PENDUDUK
PPR AMPANGAN
DAN
PUSAT SUMBER PPR AMPANGAN
DI DEWAN ORANG RAMAI, PANGSA PPR AMPANGAN,
AMPANG JAJAR, SPT
29 NOVEMBER 2015 (AHAD), JAM 10:00 PAGI**

Yang Dihormati Puan Aloyah Binti Bakar

Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development Corporation
(PWDC)

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Y.Bhg. Ahli - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Y.Bhg. Encik Mat Nasir Bin Hassan

Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan
Pengurusan Harta

Y.Bhg. Ketua-ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Y.Bhg. Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar

Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Y. Bhg. Encik Mohd Asri Bin Othman

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Ampangan

Y.Bhg. barisan AJK-AJK Persatuan Penduduk PPR Ampangan,

Y. Bhg. Encik Badri Bin Bahador

Penyelia Bangunan Tetuan Mutiara Properties

Penduduk-penduduk Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar

Rakan-rakan Media

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk bersama-sama menghadiri Majlis Pelancaran Kontrak Komuniti Program Pembersihan, Penubuhan Pejabat Persatuan Penduduk PPR Ampangan dan Pusat Sumber PPR Ampangan pada hari ini.
2. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang besar ertinya ini dan seterusnya merasmikan majlis pelancaran ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

3. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan tahniah kepada Persatuan Penduduk PPR Ampangan, yang sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa LA21 Pangsa PPR Ampangan kerana telah berdaftar sebagai sebuah pertubuhan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Saya dimaklumkan bahawa Persatuan PPR Ampangan ini telah didaftarkan secara sah pada 25 November 2014.
4. Komitmen yang tinggi yang diberikan oleh Pengerusi dan juga Ahli-Ahli Jawatankuasa telah membuahkan hasil dan menjadi salah satu faktor membolehkan Persatuan Penduduk PPR Ampangan ini memperolehi kontrak komuniti program pembersihan di Pangsa PPR Ampangan. Kontrak komuniti program pembersihan ini adalah untuk tempoh dua (2) tahun bermula pada 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

5. Sebelum ini, kontrak pembersihan dan kerja-kerja penyelenggaraan di Pangsa PPR Ampangan, MPSP serahkan kepada kontraktor yang dilantik melalui tender terbuka. Pada tahun 2014, terdapat cadangan daripada Penang Women's Development Corporation (PWDC) supaya kerja-kerja pembersihan ini diserahkan kepada Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Cadangan tersebut telah dikaji di peringkat MPSP dengan menjadikan kontrak pembersihan di PPR Jalan Sungai Pinang sebagai panduan. Kini bermula pada 1 Januari

2015, pemberian kontrak pembersihan untuk penyewa-penyewa di Pangsa PPR Ampangan telah dapat direalisasikan.

6. Objektif kontrak komuniti pembersihan ini adalah untuk :-

- i) Mewujudkan rasa tanggungjawab terhadap tempat tinggal dan persekitaran di kalangan penduduk;
- ii) Memperkasa dan melatih ahli persatuan menjadi pemimpin dalam menguruskan organisasi;
- iii) Menjadikan komuniti sebagai agen perubahan kepada pembangunan negeri;
- iv) Menjadi suara penduduk dan orang tengah di antara penduduk PPR dan Kerajaan Tempatan;
- v) Mendekatkan jurang di antara penduduk dan Kerajaan Tempatan; dan
- vi) Menaikkan taraf ekonomi dan sosial dengan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk.

7. MPSP berharap dengan kontrak komuniti pembersihan dan juga lanskap yang diserahkan kepada Persatuan Penduduk PPR Ampangan ini, kualiti kebersihan di Pangsa PPR Ampangan ini akan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik lagi.

8. Dengan adanya kontrak ini, sistem ini sebenarnya memberi banyak kelebihan kepada penyewa Pangsa PPR Ampangan ini. Ini kerana keanggotaan pekerja-pekerja pembersihan juga adalah dipilih dari kalangan penyewa Pangsa PPR Ampangan sendiri yang secara tidak langsung dapat menjana pendapatan kepada penyewa-penyewa di Pangsa PPR Ampangan. MPSP merasa amat berbesar hati dan

gembira sekiranya penduduk di sini dan pekerja-pekerja Persatuan Penduduk PPR Ampangan dapat bersama-sama menjaga kebersihan rumah pangsa ini. Ini adalah konsep yang baik kerana penyewa akan menjaga persekitaran rumah sendiri. Secara tidak langsung, hasrat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja dan kompetitif untuk pelaburan dapat sama-sama kita jayakan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

9. Selain daripada itu, di bawah projek MPSP bersama dengan PWDC iaitu projek Bajet Responsif Gender Dan Partisipatori (GRPB) terdapat dua (2) lagi projek yang telah dilaksanakan di Pangsa PPR Ampangan pada tahun ini iaitu penubuhan pejabat Persatuan Penduduk PPR Ampangan dan pusat sumber Pangsa PPR Ampangan.
10. Bermula pada tahun 2010 lagi MPSP telah membenarkan penggunaan kiosk G-02 kepada Persatuan Penduduk PPR Ampangan bagi tujuan pusat aktiviti persatuan. Kini, ianya telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas termasuk komputer bagi memudahkan persatuan menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan.
11. Selain itu, melalui program GRPB ini juga telah diwujudkan sebuah pusat sumber bagi kegunaan penduduk-penduduk terutamanya anak-anak Pangsa PPR Ampangan. Pusat sumber ini juga akan dijadikan sebagai pusat tuisyen kepada anak-anak. MPSP berharap

kemudahan-kemudahan ini akan dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh semua penduduk.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

12. Di kesempatan ini juga ingin saya menyentuh sedikit berkenaan tanggungjawab membayar sewa bulanan. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan semua sedia maklum, sewa bulanan bagi unit diduduki di sini adalah RM100 sebulan. Kutipan yang diterima sebanyak RM100 sebulan daripada setiap penyewa disalurkan sepenuhnya untuk penyelenggaraan dan pengurusan rumah pangsa ini. MPSP juga menambah peruntukan sendiri bagi menampung semua kos-kos penyelenggaraan dan pembaikan. Oleh itu, kerjasama tuan-tuan dan puan-puan diminta untuk membuat bayaran seperti yang termaktub dalam perjanjian sewaan bagi memastikan bangunan ini terurus dengan baik. Jika penyewa-penyewa gagal membuat bayaran sewa bulanan pada tarikh yang ditetapkan maka kutipan untuk menampung kos pengurusan dan penyelenggaraan akan berkurangan dan di masa-masa akan datang ia mungkin akan menjejaskan mutu penyenggaraan bangunan ini.
13. Sekiranya kesemua penyewa menjelaskan sewa secara konsisten, MPSP akan memperolehi kutipan sebanyak RM25,000.00 pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, sehingga kini dukacita dimaklumkan masih terdapat penyewa yang gagal menjelaskan bayaran mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan dan menyebabkan kini jumlah tunggakan sewa terkumpul secara keseluruhannya adalah sebanyak RM41,000.00. Walaupun jumlah

kutipan tunggakan menunjukkan peningkatan yang baik berbanding bulan Oktober 2013 iaitu tunggakan terkumpul sebanyak RM63,500.00 dan bulan Oktober 2014 sebanyak RM53,400.00 tetapi MPSP menasaskan tunggakan sifar. Oleh itu, sila ambil perhatian yang serius tentang perkara ini. MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyewa-penyewa yang menjelaskan sewa secara konsisten dan tiada tunggakan sewa. Bagi penyewa yang masih gagal menjelaskan tunggakan sewa, MPSP memohon supaya segera menjelaskan bayaran tunggakan sewa kerana MPSP telah menyenaraikan nama penyewa-penyewa tegar ini untuk tindakan penamatan sewa.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

14. Untuk makluman, MPSP menanggung perbelanjaan kira-kira RM30,000 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan pengurusan Pangsa PPR Ampangan ini demi memberikan keselesaan dan kemudahan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kos ini tidak termasuk kos-kos pembaikan bangunan jika berlaku kerosakan besar.
15. MPSP sangat berharap tuan-tuan dan puan-puan bersama-sama menjaga Pangsa PPR Ampangan ini dengan sebaik-baiknya. Perbuatan merosakkan komponen bangunan juga amat membimbangkan MPSP. Contohnya seperti perbuatan vandalisme yang berlaku pada komponen lif. Perbuatan ini telah menyebabkan satu (1) lif tidak dapat berfungsi dan menyebabkan kesukaran kepada orang ramai. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, MPSP telah

melantik kontraktor untuk memperbaiki kerosakan komponen-komponen lif dan anggaran kos adalah berjumlah RM180,000.00. Ini adalah satu jumlah yang besar dan sebenarnya kos ini tidak perlu dikeluarkan jika komponen-komponen lif tidak dirosakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. MPSP memohon tuan-tuan dan puan-puan sebagai penghuni Pangsa PPR Ampangan ini, sekiranya melihat perbuatan merosakkan harta awam sama ada lif atau lain-lain peralatan awam untuk melarang perbuatan tersebut dan memberi laporan terus kepada MPSP supaya MPSP boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

16. Baru-baru ini MPSP juga telah membelanjakan RM79,800.00 untuk memperbaiki tangki air yang bocor. Ini tidak termasuk pembaikan-pembaikan lain yang melibatkan pembaikan paip bocor di unit-unit yang diduduki. Begitu banyak perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh MPSP bagi memberikan keselesaan kepada tuan-tuan dan puan-puan. Maka besarlah harapan MPSP supaya tuan-tuan dan puan-puan melunaskan bayaran sewa tepat pada masanya dan menjaga harta benda awam di rumah pangsa ini dengan sebaik mungkin.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

17. Pada kesempatan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis pelancaran ini dan seterusnya berharap dan sentiasa berdoa agar program yang akan dirancang ini dapat dijalankan dengan jayanya. InsyaAllah.

18. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya saya merasmikan program Majlis Pelancaran Kontrak Komuniti Program Pembersihan, Penubuhan Pejabat Persatuan Penduduk PPR Ampangan dan Pusat Sumber PPR Ampangan.

Sekian, **Wabillahi taufiq wal-hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**